

D.R. 17/94

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Kaedah-Kaedah
Mahkamah Rendah 1955.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG
oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan
Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan
dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kaedah-Kaedah
Mahkamah Rendah (Pindaan) 1994. Tajuk
ringkas.

2. Akta Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1955
adalah dipinda dalam seksyen 3— Pindaan
seksyen 3.
Akta 55.

(a) dengan menggantikan subseksyen (2) dan (3)
dengan subseksyen yang berikut:

"(2) Jawatankuasa itu hendaklah terdiri
daripada orang yang berikut:

(a) Ketua Hakim Negara, yang hendaklah
menjadi Pengerusi Jawatankuasa itu;

(b) Presiden;

(c) Hakim-Hakim Besar;

(d) empat orang Hakim yang hendaklah
dilantik oleh Ketua Hakim Negara bagi
apa-apa tempoh yang ditentukannya
secara bertulis;

RANG UNDANG-UNDANG

- (e) Peguam Negara, atau penamanya;
- (f) Hakim Kanan Mahkamah Sesyen ICuala Lumpur;
- (g) tiga orang peguambela, seorang yang menjalankan amalan di Negeri-Negeri di Malaysia Barat, seorang yang menjalankan amalan di Sabah dan seorang yang menjalankan amalan di Sarawak, yang dilantik oleh Ketua Hakim Negara bagi apa-apa tempoh yang ditentukannya secara bertulis; dan
- (h) Ketua Setiausaha Kementerian Undang-Undang, atau penamanya.

(3) Sekiranya Ketua Hakim Negara tidak hadir, Presiden atau Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya atau Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak yang hadir hendaklah menjadi Pengerusi Jawatankuasa itu."; dan

- (b) dalam subseksyen (4), dengan memasukkan selepas perkataan "Ketua Hakim Negara" perkataan ", Presiden".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda seksyen 3 Akta Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1955 supaya keanggotaan Jawatankuasa Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah akan menycrupai Keanggotaan Jawatankuasa Kaedah-Kaedah yang ditubuhkan di bawah Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1821.]